

**Parlimen: Kos Fi Perunding Luar Khazanah Meningkat Seiring Dengan Jumlah Pelaburan - Najib
Bernama
20 Jun, 2012**

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata jumlah kos khidmat perunding luar yang dibelanjakan Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) antara 2001 hingga 2003 mewakili kira-kira 0.08 peratus daripada jumlah nilai urus niaga pelaburan iaitu RM8.3 bilion dan pelupusan sebanyak RM2 bilion.

"Sementara antara Mei 2004 hingga Disember 2011, jumlah kosnya mewakili kira-kira 0.6 peratus daripada jumlah nilai urus niaga pelaburan iaitu RM45.5 bilion dan pelupusan sebanyak RM31.7 bilion," katanya.

Najib, yang juga Menteri Kewangan, berkata peningkatan kos ini adalah selari dengan peningkatan jumlah pelaburan, peningkatan kemampuan operasi serta pelbagai inisiatif peringkat kebangsaan yang lain, selari dengan mandat baru Khazanah.

"Bagaimana pun, kadar ini tetap lebih rendah berbanding kadar pasaran bagi khidmat perunding luar yang biasanya dibayar oleh institusi pelaburan lain, iaitu antara 1.0 peratus hingga 1.5 peratus," katanya dalam jawapan bertulis kepada soalan Wee Choo Keong (Bebas-Wangsa Maju) mengenai kos fi perunding yang dibayar Khazanah dari 2001 hingga 2011 pada persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Mengenai jumlah pekerja Khazanah, Najib berkata jumlahnya meningkat daripada 33 orang pada 2004 kepada 412 orang pada 1 Jun tahun ini.

Beliau berkata peningkatan ini seiring dengan mandat yang diterima Khazanah iaitu pada 2004 untuk meneroka peluang pelaburan dalam sektor baharu yang strategik keperluan modal insan.

Khazanah menetapkan ganjaran kakitangannya berpandukan kepada garis panduan Buku Biru berkaitan Peningkatan Pengurusan Prestasi bagi menarik bakat dari luar, yang menetapkan gaji asas kakitangan kompetitif berbanding pasaran yang tidak melebihi 50 peratus gaji asas purata syarikat-syarikat swasta setaraf.

"Keseluruhan ganjaran yang ditawarkan perlulah kompetitif berbanding pasaran, di mana jumlah ganjaran termasuk bonus dibayar berdasarkan prestasi individu dan syarikat serta penggunaan wang tunai sebagai ganjaran atau insentif," katanya.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=674451>